

TARIKH	23 / 6 / 2015	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	5	RUANGAN	

## Malaysia mohon tambah kuota

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sudah menghantar surat permohonan penambahan kuota haji kepada Kerajaan Arab Saudi bagi membolehkan lebih ramai jemaah dapat menunaikan haji tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata setakat ini kerajaan masih belum mene-

rima sebarang jawapan, namun akan terus berusaha mendapatkan kuota tambahan menerusi hubungan baik Malaysia dan Arab Saudi.

Beliau berkata, sekiranya permohonan berjaya, pihaknya akan memberitahu berita gembira itu kepada bakal jemaah haji terpilih, bagaimanapun ia tidak boleh diumumkan kepada orang ramai.

### Tiada pengumuman

Katanya, pengumuman peratusan kuota tidak boleh dilakukan kerana permohonan itu membabitkan negara dari seluruh dunia.

"Mendapatkan kuota haji ini ibarat kita nak meminang anak orang. Kena dapat keputusan dulu daripada keluarganya sebelum mengatur langkah seterusnya.

"Sekarang ini, ramai jemaah sedang menunggu giliran untuk mengerjakan ibadat haji, bagaimanapun mereka harus faham prosedur yang perlu kami lalui ketika berurusan

dengan kerajaan Saudi," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

### Naik taraf mataf

Jamil Khir turut memuji usaha Kerajaan Arab Saudi menaik taraf kawasan Mataf yang boleh memuatkan sehingga 130,000 jemaah haji mengerjakan tawaf dalam sejam, berbanding hanya 70,000 jemaah ketika ini.

Katanya, peningkatan sebanyak 60,000 adalah angka yang agak besar dan ia adalah langkah terbaik yang diambil kerajaan Saudi dalam memastikan jemaah selesa ketika menunaikan ibadat.